

05 JUL 1996

MAHATHIR LANCAR PUSAT KEWANGAN ASIASTAR

Oleh: M. Jegathesan

JOHOR BAHRU, 5 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan pusat kewangan Asiastar Infrastructure Development Group (M) Sdn Bhd berharga RM180 juta di sini.

Terletak bersebelahan Tambak Johor, menghadapi Woodlands, Singapura di seberang Selat Tebrau, pusat kewangan itu adalah sebahagian daripada projek JB Waterfront City. Pusat itu dijangka siap pada tahun 1998.

Ketua eksekutif kumpulan Asiastar, R.Rama Naidu berkata pembangunan pusat kewangan itu sejajr dengan wawasan pucuk pimpinan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Johor untuk menjadikan Malaysia sebuah pusat kewangan di Asia Tenggara.

"Memandangkan JB Waterfront City direka bentuk sebagai sebuah zon ekonomi khas dan daerah perniagaan pusat yang baru bagi Johor Baharu, wawasan ini mula menjadi kenyataan," tambahnya.

Naidu juga berkata Pusat Kewangan Asiastar (AFC) yang berkedudukan baik itu akan menawarkan kemudahan-kemudahan telekomunikasi dan komputer yang canggih kepada syarikat-syarikat asing yang juga akan mendapat faedah daripada pelbagai insentif kerajaan bila menubuhkan pejabat wakil di Malaysia.

AFC, terletak atas Lot 4, akan dimajukan oleh Asiastar Properties (M) Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh kumpulan Asiastar.

"Ruang runcit yang ditawarkan di sini adalah disasarkan untuk kedua-dua pengendali runcit tempatan dan seberang laut," tambahnya.

Naidu berkata AFC akan menawarkan kepada sektor perbankan dan kewangan satu bumbung untuk memenuhi keperluan penghuni-penghuni runcit dan kediaman di dalam projek mega itu.

Kira-kira dua juta orang dijangka melawat JB Waterfront City berharga RM6 bilion.

Sehingga kini, projek itu menarik pelaburan asing dan tempatan berjumlah melebihi RM250 juta.

Ia akan mendapat faedah daripada limpahan kemakmuran Singapura dan menukarkan wajah Johor menjadi sebuah pusat kewangan bertaraf dunia, tambahnya.

"Sebaik sahaja projek ini siap dibina, Asiastar bercadang untuk mendirikan tiga lot tambahan beserta dengan sebuah masjid terapung."

JB Waterfront City seluas 118 ekar akan mengandungi 41 blok kemudahan komersil dan kediaman, termasuk tiga buah hotel dengan lebih 1,500 bilik, lima buah menara pejabat antara 30 hingga 40 tingkat dan sebuah pusat persidangan yang boleh memuatkan 5,000 orang.

Johor Coastal Development, sebuah anak syarikat Pilecon, adalah pemaju utama projek bandar raya atas air itu. -- BERNAMA

JSM SIA